



UNIT MEDIA RELA,
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA),
KEMENTERIAN DALAM NEGERI,
ARAS 7, 8 & 9, BLOK D9, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA

TEL : 03-88703770 FAKS : 03-88905532

SIARAN MEDIA

KURSUS ASAS RELA LANGKAH SIAPSIAGA PEGAWAI

SG. UDANG, 13 Mei 2017 – Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Dalam Negeri, YBhg. Dato' Wan Ali Besar menyempurnakan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai RELA Siri 1/2017 di Padang Kawad Akademi Latihan RELA Malaysia (ALARM) Sg. Udang, Melaka hari ini. Turut hadir sama adalah Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), YBhg. Zulkifli Abidin.

Upacara tamat latihan ini diadakan untuk mengiktiraf 62 Pegawai RELA Gred KP41, KP29 dan KP19 (45 lelaki / 17 wanita) berjaya menempuh hampir 2 bulan latihan yang bermula sejak 13 Mac 2017.

Sebelum latihan, semua pegawai muda ini dipilih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berdasarkan kelayakan akademik dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kemudian, mereka perlu melepasi ujian fizikal, kesihatan dan akademik untuk membolehkan mereka dilantik sebagai pegawai skim KP (Pertahanan Awam) Jabatan ini.

Objektif utama kursus adalah memberi pengetahuan asas dalam keselamatan dan pertahanan selain bertujuan membina kekuatan fizikal dan mental, membentuk watak diri yang positif iaitu berdisiplin, setia, yakin dan berani serta membentuk semangat kerja berpasukan dan melahirkan seorang pemimpin yang berkualiti.

Menurut YBhg. Dato' Wan Ali Besar, Kursus Asas Pegawai RELA juga bermatlamat untuk membentuk pegawai RELA yang sentiasa peka kepada kehendak stakeholders dan pelanggan. Di samping itu, seseorang Pegawai RELA yang unggul seharusnya memiliki elemen atau nilai-nilai kemanusiaan, berhemah tinggi, beretika, berdisiplin, berintegriti serta mengamalkan budaya bekerjasama melalui semangat esprit de corps.

"Sebagai pegawai muda yang baru menjawat jawatan sebagai Pegawai RELA, peranan anda dalam merakyatkan perkhidmatan awam memerlukan anda semua menjadi thinkers, planners dan implementers bagi menjayakan agenda Jabatan dari sudut Transformasi Kerajaan. Justeru itu anda semua akan bersedia memberikan yang terbaik bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang kini kian meningkat", kata beliau.

Menurut beliau, dengan berpaksikan konsep Strategi Lautan Biru (NBOS), Jabatan RELA dapat bergerak sebagai satu pasukan bersama dengan lain-lain agensi dan Jabatan. Prinsip memberi perkhidmatan berasaskan perkongsian dan kerjasama pintar perlu digembleng oleh setiap warga RELA.

"Dalam mendepani cabaran mega trend 2050, saya yakin RELA mampu melonjakkan prestasi organisasi dalam memartabatkan Gelombang Kesukarelawan Negara", katanya.

Peranan RELA dalam 5K1P (membantu dalam Keselamatan, Keamanan, Kesejahteraan, Keharmonian, Kesatuan dan Perpaduan rakyat) dapat diterjemahkan dengan mempelbagaikan kemahiran dan memperbanyakkan pengetahuan serta melaksanakan tugas dengan cekap, pantas dan betul.

Pada majlis ini, turut disampaikan beberapa anugerah kepada peserta kursus yang cemerlang. Ini adalah sebagai pengiktirafan kerja keras, kesungguhan dan pencapaian yang dipamerkan sepanjang latihan.

#####

Disediakan oleh : Unit Media RELA, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
No.Telefon : 019 – 600 1018
Tarikh dikeluarkan : 13 Mei 2017